HONG LEONG FINANCE CO. BHD.

lwn.

LEE GEE & YANG LAIN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
ZAKARIA YATIM H
[GUAMAN NO. C7360 TAHUN 1985]
22 JUN 1990

PENTAFSIRAN: *Kaedah Pentafsiran - Makna biasa - Erti "whereabouts".*

PROSEDUR SIVIL: *Penghinaan mahkamah - Perintah pengkomitan - Melanggar perintah Mahkamah - Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980, Aturan 52, Kaedah 5(3) - Prinsip undang-undang mengenai perintah pengkomitan.*

Satu permohonan telah dibuat oleh plaintif dengan cara *ex parte* pada 13 Jun 1988, meminta Mahkamah membuat perintah supaya defendan pertama dikomitkan ke penjara sivil oleh kerana defendan pertama telah melakukan penghinaan Mahkamah dengan melanggar perintah Mahkamah bertarikh 24 Mac 1987. Perintah itu, antara lain, menghendaki defendan memberitahu plaintif dimana terdapat dokumen-dokumen dan barang-barang yang disebutkan dalam perintah itu. Perintah itu tidak menyatakan jangka masa untuk defendan memberi maklumat yang dikehendaki itu tetapi defendan dikehendaki memberi maklumat-maklumat tersebut dengan serta merta.

Pada 17 Jun 1987, defendan pertama telah menulis surat kepada plaintif memaklumkannya bahawa jentera-jentera berkenaan berada di tapak pembalakan di Kuala Brang, Trengganu, manakala salinan nota insuran dan polisi insuran ada dikirimkan bersama surat itu.

Yang menjadi isu ialah samada defendan telah ingkar mematuhi perintah Mahkamah itu.

Diputuskan:

[1] Surat defendan pertama itu telahpun mematuhi perintah Mahkamah bertarikh 24 Mac 1987. Perintah itu tidak menghendaki defendan memberi maklumat yang tepat tentang tempat di mana jentera-jentera dan dokumen berkenaan tersimpan.

[2] Perkataan yang digunakan dalam perintah itu ("the whereabouts of the documents, goods and accessories") adalah luas maknanya dan kurang tepat. Oleh kerana perintah itu mempunyai maksud yang luas, perintah komital tidak boleh dibuat oleh Mahkamah kerana Mahkamah berpuashati defendan telahpun mematuhi perintah Mahkamah itu.

[3] Setelah menimbangkan prinsip undang-undang mengenai perkara ini dan keterangan yang terkandung dalam afidavit, Mahkamah berpendapat bahawa ini bukanlah satu kes di mana Mahkamah, dengan menggunakan budibicaranya, boleh membuat perintah pengkomitan ke atas pihak defendan pertama atas sebab penghinaan Mahkamah.

[Rayuan plaintif dinafikan.]

Kes-kes yang dirujuk:

MBF Holdings Bhd. v. Emtex Corporation Bhd. [1986] 1 MLJ 477
In Re Bramblevale Ltd. (CA) [1970] 1 Ch QBD 137
P.A. Thomas & Co. & Ors. v. Mould & Ors. [1968] 2 QBD 913
Iberian Trust Limited v. Founders Trust and Investment Company Ltd. [1932] 2 KB 95

Perundangan yang dirujuk:
Rules of the High Court 1980, O. 52 r. 5(3)

Sumber lain yang dirujuk:
Collins English Dictionary
The Concise Oxford Dictionary, Edisi ke 7, ms. 1225
Halsbury's Laws of England, Edisi ke 4, jilid 9, ms. 36

Bagi pihak Defendan Pertama/Responden - K.H. Lee; T/n. Lee Kee Huat & Associates
Bagi pihak Plaintif - Lorraine Cheah; T/n. Shearn Delamore & Co.

PENGHAKIMAN

Zakaria Yatim H:

Ini adalah satu permohonan daripada pihak plaintif dengan cara notis usul, memohon Mahkamah membuat perintah supaya defendan pertama dikomitkan ke penjara sivil dan dipenjarakan sehingga satu perintah dibuat oleh Mahkamah, oleh kerana defendan pertama telah melakukan penghinaan terhadap Mahkamah dengan melanggar perintah Mahkamah yang bertarikh 24 Mac 1987.

Permohonan ini dibuat di bawah Aturan 52, Kaedah 5(3) Kaedah Mahkamah Tinggi 1980. Kaedah ini menyatakan:

> Kecuali dengan kebenaran Mahkamah yang mendengar permohonan bagi suatu perintah pengkomitan, tiada alasan boleh menjadi asas di pendengaran itu kecuali alasan-alasan yang dinyatakan dalam kenyataan di bawah kaedah 2.

Kaedah 2 pula menyatakan:

> (1) Tiada permohonan kepada Mahkamah minta suatu perintah pengkomitan terhadap mana-mana orang boleh dibuat melainkan jika kebenaran untuk membuat suatu permohonan yang sedemikian telah diberikan mengikut kaedah ini.
>
> (2) Suatu permohonan untuk kebenaran sedemikian mestilah dibuat secara *ex parte* kepada Mahkamah, kecuali jika Mahkamah bercuti di mana permohonan boleh dibuat kepada seorang Hakim dalam kamar, dan mestilah disokong oleh suatu kenyataan yang menyatakan nama dan perihalan pemohon, nama, perihalan dan alamat orang yang diminta dikomitkan dan alasan-alasan yang berdasarkannya pengkomitan itu diminta dan melalui suatu afidavit hendaklah difailkan sebelum permohonan dibuat, menentusahkan fakta-fakta yang diasaskan padanya.

Satu permohonan di bawah Kaedah 2(2) telahpun dibuat dengan cara *ex parte* pada 13 Jun 1988. Mahkamah telah memberi kebenaran untuk membuat permohonan perintah pengkomitan. Satu kenyataan yang memberi alasan-alasan untuk pengkomitan tersebut seperti yang dikehendaki di bawah Kaedah 2(2) telahpun difailkan oleh plaintif pada 3 November 1987. Kenyataan itu, di antara lain menyatakan:

> The relief sought herein is an order that the 1st defendant be committed to civil prison for his contempt of this Honourable Court in failing to comply with the order of this Court dated 24 March 1987.
>
> The grounds upon which the relief is sought is that the conduct of the defendant was intended to impede or prejudice the administration of justice in that he had wantonly failed and/or neglected to comply with or obey the order of Court dated 24 March 1987 by failing and/or neglecting whether by himself, his servant, and/or agents to inform the plaintiff of the whereabouts of the equipment, goods and/or accessories.

Seperti yang tersebut dalam kenyataan di atas, pihak plaintif menyatakan bahawa defendan pertama telah melanggar perintah Mahkamah yang bertarikh 24 Mac 1987. Sekarang, Mahkamah perlu melihat apa yang tertulis dalam perintah tersebut. Perintah itu, di antara lain, menyatakan:

> It is ordered as follows:
>
> That the defendants whether by themselves, their servants or agents do forthwith inform the plaintiffs of the whereabouts of the documents, goods and accessories mentioned below.

Seterusnya perintah itu menyatakan butir-butir lanjut berkenaan dengan jentera-jentera, buku-buku pendaftaran dan surat polisi insuran yang harus diberitahu oleh pihak defendan kepada plaintif. Perintah itu tidak menyatakan jangkamasa yang diberi kepada pihak defendan pertama untuk memberikan maklumat-maklumat tersebut tetapi pihak defendan dikehendaki memberi maklumat-maklumat tersebut dengan serta-merta.

Pada 17 Jun 1987, defendan pertama telah menulis surat yang berdaftar kepada peguam pihak plaintif. Kandungan surat itu adalah seperti berikut:

> Dear Sirs,
>
> Re: Suit No. C7360 of 1985 Hong Leong Finance
>
> Refer to your order regarding the location and other details, we give the following information:
>
> A. All the machines and attachments are in the logging site of Kuala Brang, Trengganu.
>
> B. We enclose copies of the Insurance cover notes and Insurance policies.
>
> C. With regards to the registration cards, DEP arranged all the finance for us and also to get the registration cards so please refer to them. There is no registration for the winches and logfork.
>
> Yours faithfully,
>
> Sgd/-
>
> Syarikat Eng Seng.

Pada pendapat saya surat yang tersebut di atas telahpun mematuhi perintah Mahkamah yang bertarikh 24 Mac 1987. Perintah itu, jika dilihat dengan teliti hanya menghendaki defendan pertama memberi maklumat mengenai "the whereabouts of the documents, goods and accessories." Saya tegaskan di sini perkataan "whereabouts."

Di dalam kes *MBF Holdings Bhd. v. Emtex Corporation Bhd.* [1986] 1 MLJ 477, Mahkamah Agung telah mentafsirkan peruntukan dalam Akta Sekuriti dan Industri 1983 dengan menggunakan perkataan yang biasa digunakan. Yang Arif Hakim Mohd. Azmi SCJ (di mukasurat 480-481) berkata:

> We agree with Encik Ismail's concession, and we think there is clear distinction between the two words. In our view, the plain and ordinary dictionary meaning of the word should be applied.

Pada pendapat saya, apa yang dinyatakan oleh Yang Arif Hakim Mohd. Azmi itu terpakai dalam kes ini. Collins English Dictionary memberi definasi perkataan "whereabouts" sebagai "at what approximate location or place" dan menurut The Concise Oxford Dictionary Edisi ke 7, muka surat 1225, perkataan "whereabouts" itu diberi takrif iaitu "person's or thing's location roughly defined ..."

Maka, disebabkan penggunaan perkataan "whereabouts" dalam perintah tersebut, perintah itu tidak mengarahkan defendan pertama memberi maklumat dan tempat yang tepat atau tempat yang tepat di mana jentera-jentera dan surat-surat itu tersimpan. Sebaliknya, perkataan yang digunakan dalam perintah itu adalah luas maknanya, dan kurang tepat. Oleh yang demikian, pihak defendan pertama tidak boleh disalahkan kerana menjawab surat seperti yang dipetik di atas.

Di sini, Mahkamah perlu melihat prinsip-prinsip undang-undang berkenaan dengan permohonan untuk perintah komital.

Halsbury's Laws of England (4th Edn., Vol. 9 m.s. 36) menyatakan:

> Power of Court to punish by committal or sequestration. The power to order committal for civil contempt is a power to be exercised with great care. The Court will only punish disobedience to an order of the Court, or non-compliance with an undertaking, if satisfied that the terms of the order or undertaking are clear and unambiguous, that the defendant has proper notice of the terms and that a breach of the order or undertaking has been proved beyond reasonable doubt.

Di dalam kes *In Re Bramblevale Ltd. (CA)* [1970] 1 Ch. QBD 137 Lord Denning MR di mukasurat 137 telah menyatakan:

> A contempt of Court is an offence of a criminal character. Any man may be sent to prison for it. It must be satisfactorily proved. To use the time-honoured phrase, it must be proved beyond reasonable doubt.

Saya ingin menyebut satu lagi kes yang dirujuk oleh Encik Lee iaitu kes *P.A. Thomas & Co. & Ors. v. Mould & Ors.* [1968] 2 QBD 913. Encik Lee telah membaca satu petikan dari mukasurat 917. Setelah membaca kes ini dengan teliti, saya mendapati bahawa petikan itu merupakan hujah pihak peguam bukanlah penghakiman di dalam kes itu. Penghakiman Mahkamah dalam kes itu di mukasurat 923 menyatakan:

> In the present case the Court has granted the injunction in the terms prayed by the plaintiffs. That is the plaintiffs' own doing. If they wish not to trust the Court and its procedure for protecting their legitimate interests by disguising the true nature of their "know-how" in the form which has been done in the present case, they cannot complain if at a later stage they are met with the answer with which they have been met here, of saving; 'You are alleging a breach of the injunction: you have done thus and so, thus and so, and thus and so,' and then invite the Court to draw the inference that because it is different from that which was set out in statements sworn to by the plaintiffs it must be confidential material - part of the 'know-how', part of the material, upon which the injunction bites. I am not prepared to say that that has been established here. It may well be so. It may be that these inferences can be drawn on all kinds of balances of probabilities at the end of the day when this case is tried. But where parties seek to invoke the power of the Court to commit people to prison and deprive them of their liberty, there has got to be quite clear certainty in the present case and I am not prepared to give any relief to the plaintiffs on this motion: it must be dismissed.

Kes di atas ialah satu kes yang berkaitan dengan permohonan untuk perintah supaya defendan dikomitkan kerana melanggar perintah injunksi. Hakim O'Connor, di mukasurat 919 berkata: "It would be seen that the injunction was wide in terms."

Peguam dalam kes P.A. Thomas telah merujuk kepada kes *Iberian Trust Limited v. Founders Trust and Investment Company Limited* [1932] 2 KB 95. Hakim Luxmore, di dalam penghakimannya dalam kes itu di mukasurat 95 telah berkata, "If the Court is to punish any one for not carrying out its order the order must in unambiguous terms direct what is to be done."

Setelah membincangkan kes-kes di atas, saya berpendapat bahawa makna kandungan perintah yang berkaitan dengan kes ini, iaitu "the whereabouts of the documents" adalah luas maknanya. Jika perintah itu mempunyai maksud yang luas atau menggunakan "wide terms", mengikut kes **P.A. Thomas**, perintah untuk komital tidak boleh dibuat oleh Mahkamah. Perintah itu hendaklah jelas dan tepat. Saya berpendapat bahawa perintah dalam kes ini adalah sah dan jelas tetapi terlalu luas maknanya. Pihak defendan telahpun mematuhi perintah itu.

Cik Cheah, peguam bagi plaintif telah merujuk kepada afidavit pihak defendan yang diikrarkan pada 26 Mei 1990 dan yang telah dihantar oleh peguam mewakili defendan kepada peguam pihak plaintif. Afidavit itu telah melampirkan satu surat yang ditulis oleh defendan pada 23 Mac 1990 (surat kedua). Menurut Cik Cheah, dalam surat itu, defendan telah mengatakan bahawa jentera-jentera tersebut telah digunakan oleh seorang yang bernama Gan Lai Huat dan bukan DEP seperti yang dinyatakan sebelumnya. Cik Cheah menyatakan bahawa kini, iaitu enam tahun selepas perintah Mahkamah dibuat, defendan pertama telah mengubah kedudukannya. Saya telah mengkaji surat itu dan mendapati bahawa ia tidak bertentangan dengan surat defendan pertama yang bertarikh 17 Jun 1987. Dalam surat kedua itu, defendan pertama telah menegaskan sekali lagi apa yang dinyatakan olehnya dalam surat pertama dulu. Saya petik perenggan 3 dan 4 dalam surat yang kedua itu.

> The equipment was in fact delivered to the work-site in Kuala Brang to Gai Nge Huat by DEP Trading (M) Sdn. Bhd. on behalf of Syarikat Eng Seng. The payments received from Gai Nge Huat for the use of the equipments were paid directly to the aforesaid DEP Trading (M) Sdn. Bhd. who then forwarded the said payments to your clients.
>
> Our client thereafter made numerous attempts to locate the equipment and in fact went to the worksite with personnel of DEP Trading (M) Sdn. Bhd. but was unable to trace the equipment or the aforesaid Gai Nge Huat.
>
> Our client has used his best endeavours to locate the equipment but to date has been unable to do so.

Pada pendapat saya surat itu tidak bercanggah dengan surat pertama.

Setelah menimbangkan prinsip undang-undang mengenai perkara ini dan setelah menimbangkan keterangan-keterangan yang terkandung dalam afidavit-afidavit dan dokumen-dokumen dalam kes ini saya berpendapat bahawa ini bukanlah satu kes di mana Mahkamah, dengan menggunakan budibicaranya, boleh membuat perintah pengkomitan ke atas pihak defendan pertama atas sebab penghinaan Mahkamah.

Oleh yang demikian, saya menolak permohonan plaintif dengan kos.

Also found at [1990] 2 CLJ 752